

## CABARAN PERKAHWINAN JARAK JAUH DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI SARAWAK: SATU KAJIAN EXPLORASI

**Geraldine JD Kulai**

*Pejabat Residen Serian*

**Dr. Fatayah Yahya**

*Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia*

*Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*

### PENGENALAN

Perubahan sosio-ekonomi masa kini mendorong ramai lelaki dan wanita untuk hidup berdikari, berusaha meningkatkan status kehidupan, memperbanyakkan pengalaman kerjaya serta mengekalkan taraf hidup yang baik. Justeru, perhubungan jarak jauh dilihat semakin berkembang dan meningkat dalam kalangan pasangan sama ada yang telah berkahwin mahupun belum. Ia bertujuan memenuhi tuntutan tersebut (Stafford, 2005).

Peningkatan keperluan hidup serta persaingan yang tinggi dalam meniti kerjaya menjadikan ramai pasangan suami isteri memilih untuk tinggal berjauhan kerana bekerja. Penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) juga tidak terkecuali daripada perubahan struktur keluarga ini di mana perhubungan jarak jauh khususnya bagi pasangan yang sudah berkahwin merupakan satu perkara yang biasa. Tambahan lagi apabila kedua-dua orang pasangan tersebut mempunyai kerjaya masing-masing. Ada yang terpaksa berjauhan untuk tempoh yang agak lama. Malah ada yang hanya dapat tinggal bersama selepas salah seorang atau kedua-duanya bersara.

Maka kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran perkahwinan jarak jauh dalam kalangan penjawat PANS yang berkahwin tetapi bertugas jauh dari pasangan dan keluarga masing-masing, di mana mereka terpisah dari segi geografi. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui apakah kesan PJJ kepada prestasi kerja penjawat PANS yang menjalani PJJ.



# Buletin

## Psikologi & Kaunseling

Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

**Bil 2 Tahun 2019**

